

Kerajaan nilai hapus Lynas dari Gebeng: PM

Permintaan
ramai tetap
diberi perhatian
walau diisytihar
tidak bahaya

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
dan Suhaila Shahrul Annuar
bhnews@nstp.com.my

Sepang: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan menilai permintaan orang ramai yang mahu kilang nadir bumi, Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas) dihapuskan dari Gebeng.

Perdana Menteri berkata, walaupun ada kajian mengenai Lynas dan ia diisytiharkan ti-

dak berbahaya, namun kerajaan mengambil maklum mengenai permintaan terbabit.

“(Walaupun ada kajian dan diisytiharkan tidak berbahaya) tetapi sudah pasti, orang akan tetap berasakan kita perlu ‘hapuskan’ Lynas dari situ, baiklah kita akan lihat perkara itu,” katanya selepas melawat ibu pejabat AirAsia RedQ di sini, semalam.

Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA) kelmarin mengemukakan tiga syarat kepada Lynas selepas memperbaharui lesen operasi kilang itu selama enam bulan.

LPTA dalam kenyataannya, berkata syarat itu diputuskan selepas Kerajaan Persekutuan Australia dan Kerajaan Negeri Western Australia memaklumkan kepada Malaysia bahawa pihaknya tidak akan menerima penghantaran balik residu ra-

dioaktif Water Leach Purification (WLP) Lynas.

Antara syaratnya adalah Lynas perlu mengemukakan perancangan bagi pembinaan kemudahan *cracking and leaching* (pemecahan dan larut-resap) di luar negara bagi tujuan meminimumkan proses terbabit yang kini dijalankan di lojinnya di Gebeng, Kuantan, Pahang keluar dari Malaysia.

Kemudahan itu hendaklah dibina di luar negara dan mula beroperasi dalam tempoh empat tahun dari tarikh sah lesen.

Selepas kemudahan itu mula beroperasi di luar negara, pemegang lesen tidak lagi dibenarkan menghasilkan residu radioaktif yang melebihi satu becquerel per gram di lojinnya di Gebeng, Kuantan.

Mengulas mengenai Himpunan anti-Lynas pada Ahad ini yang dijangka berakhir dengan

membakar manifesto Pakatan Harapan sebagai lambang kerajaan gagal menunaikan janjinya ke arah pembangunan yang mampan, Dr Mahathir berkata, membakar manifesto tidak akan menyelesaikan apa-apa.

“Ya, mereka boleh membakar manifesto, tetapi perlu menangani perkara ini dengan cara yang masuk akal, mereka tidak boleh hanya melakukan pembakaran manifesto dan mengharapkan segala-galanya dapat diselesaikan.

“Saya pasti jika anda membakar semua manifesto, ia tidak menyelesaikan apa-apa, ia hanya membuat orang marah.

“Pada masa sama, saya menagaki ketika kita merangka manifesto, banyak perkara yang kita tidak tahu dan sekarang, kita mendapat pelbagai maklumat berbeza dan perlu memberi maklum balas,” katanya.